

**Manifesto BN Bukan Sekadar Pendorong Tetapi Nilai Tambah Untuk Golongan Muda**  
**Bernama**  
**8 April, 2013**

GEORGE TOWN, 8 April (Bernama) -- Pembentangan manifesto Barisan Nasional (BN) yang mengandungi 17 perkara utama bukan sahaja menjadi pendorong kepada golongan muda khususnya belia tetapi turut menyediakan nilai tambah kepada mereka yang berminat menceburkan diri dalam bidang usaha niaga komersil.

Yang dipertua Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Sungai Pinang Ahmad Yakqub Nazri berkata manifesto BN yang dizahirkan dalam bentuk dokumen 'aku janji' merupakan aspirasi untuk golongan muda bersama-sama menjayakan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

"Sebelum ini memang banyak peruntukan yang disediakan tetapi dalam manifesto kali ini kerajaan telah membuka ruang yang lebih luas bagi menjadikan bakal-bakal pemimpin di masa depan ini individu yang kreatif dan berkemahiran tinggi,"katanya kepada Bernama di sini isnin.

Pada Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan manifesto BN bertemakan 'Menepati Janji, Membawa Harapan' yang mengandungi 17 perkara utama yang mengandungi 156 komitmen tindakan khusus bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara, di hadapan lebih 50,000 penyokong BN.

Selain itu beliau berkata GPMS juga menerima baik hasrat kerajaan untuk mentransformasikan sekolah vokasional menjadi kolej kerana ia merupakan platform bagi pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Dengan adanya kemahiran ini akan menjadi nilai tambah kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik, kemahiran juga penting dalam pasaran kerja ketika ini dan proses transformasi itu akan menjadikan ia lebih baik," katanya.

Katanya gabungan antara akademik dengan kemahiran merupakan persiapan awal bagi membolehkan setiap individu berdikari meneruskan kelangsungan hidup.

Sementara itu di SEMPORNA, Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menyifatkan manifesto Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya umum ke-13 sebagai manifesto yang lengkap kerana mencakupi semua aspek kepentingan rakyat dan negara.

"Alhamdulillah, manifesto yang telah dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak cukup lengkap dengan adunan masa depan dan harapan yang kita katakan janji dan meletakkan harapan untuk rakyat Malaysia, bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi juga ekonomi, kesihatan dan pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Umno pelbagai peringkat dari Bahagian Semporna serta menghadiri perjumpaan khas penduduk Semporna dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di sini hari ini.

Beliau juga yakin manifesto itu dapat membantu Malaysia menjadi negara maju pada 2020.

Shafie yang Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turut yakin pembinaan lebuh raya Pan Borneo sepanjang 2,300 kilometer dari Semantan di Sarawak ke Serudong di Tawau, Sabah akan dapat direalisasikan kerana sebelum ini kerajaan BN berjaya menyiapkan pembinaan jalan raya sepanjang 3,300 kilometer hanya dalam tempoh tiga tahun.

Mengenai Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE), Shafie meminta masyarakat di kawasan pantai timur Sabah memberi kerjasama penuh kepada pasukan keselamatan bagi memastikan kawasan itu terus aman.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940371>